

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

SOALAN


Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan gangguan bekalan elektrik (SAIDI) di Sabah daripada 200 kepada 50.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) merupakan indeks yang digunakan untuk mengukur tempoh gangguan bekalan elektrik kepada pengguna dalam tempoh setahun. Bagi tahun 2019, kadar SAIDI di Sabah ialah 205.31 minit/pengguna/tahun.
2. Kerajaan telah menetapkan sasaran pengurangan SAIDI di Sabah kepada 170 minit/pengguna/tahun pada tahun 2020 dan seterusnya 150 minit/pengguna/tahun pada tahun 2021. Kerajaan masih belum menetapkan sasaran SAIDI di Sabah kepada 50 minit/pengguna/tahun memadamkan sasaran tersebut memerlukan kos pelaburan modal yang amat besar dan pelaksanaan naik taraf infrastruktur yang mengambil masa yang panjang.

3. Pencapaian SAIDI di Sabah telah menunjukkan penurunan yang ketara, sebagaimana di dalam jadual di bawah:



4. Ini dicapai melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan, antaranya:

- (i) penubuhan Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah (PPKBES) pada tahun 2015 bertujuan untuk melaksanakan 57 projek pembekalan elektrik melalui geran peruntukan berjumlah RM2.3 bilion bagi mengukuhkan infrastruktur penjana, penghantaran dan pengagihan bekalan elektrik di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang merangkumi pelan jangkamasa panjang. Pelaksanaan projek-projek ini juga akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, sebagai projek-projek sambungan;
- (ii) kelulusan pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.14 bilion kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) di bawah RMK-10 bagi pelaksanaan projek naiktaraf penjana, penghantaran, dan pengagihan bekalan elektrik di negeri Sabah mulai tahun 2011 sehingga projek selesai dilaksanakan; dan

- (iii) inisiatif pengukuhan pembekalan elektrik Sabah melalui penubuhan Pasukan Kerja 150 atau *Task Force 150* (TF150) yang menfokuskan kepada lapan kawasan tumpuan iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Wilayah Persekutuan Labuan, Tuaran, Papar, Kota Belud dan Kota Marudu.

Di bawah inisiatif ini, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah memperuntukkan sebanyak RM116.15 juta bagi pelaksanaan 215 projek pengukuhan rangkaian pengagihan.

5. Kerajaan akan terus komited bagi memastikan projek-projek bagi penurunan SAIDI di Sabah dilaksanakan secara berterusan melalui geran dan pinjaman di bawah RMK-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pengeluaran petroleum negara daripada negeri Sabah, Sarawak dan Terengganu dari segi minyak mentah, kondenset, LPG dan LNG di antara tahun 2010 hingga tahun 2020 dan apakah langkah-langkah untuk merancakkan industri hiliran di Sabah.

JAWAPAN**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod PETRONAS dari tahun 2010 ke 2019, jumlah pengeluaran minyak dan gas untuk sehari adalah seperti berikut:

TAHUN	SEMENANJUNG MALAYSIA Unit: Kboed	SARAWAK Unit: kboed	SABAH Unit: kboed	MALAYSIA Unit: kboed
2010	593	837	197	1,627
2011	519	845	163	1,527
2012	589	817	181	1,587
2013	568	872	180	1,621
2014	574	883	201	1,658
2015	561	882	255	1,698
2016	566	852	339	1,756
2017	509	861	424	1,794
2018	503	859	358	1,720
2019	500	857	361	1,718
YEP 2020	482	843	316	1,641

kboed: Ribu tong minyak setara sehari (Thousand barrels of oil equivalent per day)

YEP: year end projection

2. Sementara itu, jumlah pengeluaran LNG bagi Sabah dan Sarawak pada tahun 2010 hingga 2019 adalah seperti berikut:

	SARAWAK (MLNG)	SABAH (PFLNG)	JUMLAH
2010	23.00	0	23.00
2011	24.30	0	24.30
2012	24.00	0	24.00
2013	26.00	0	26.00
2014	26.00	0	26.00
2015	25.58	0	25.58
2016	25.42	0	25.42
2017	27.25	0.33	27.58
2018	24.00	0.88	24.88
2019	25.57	0.68	26.25
YEP 2020	24.07	0.69	24.76

unit: MMT Million Metric tonne.

YEP: year end projection

3. Suka saya maklumkan bahawa, antara langkah-langkah yang diambil oleh PETRONAS melalui anak syarikatnya iaitu PETRONAS Dagangan Berhad untuk merencanakan industri hiliran di Sabah termasuk peruntukan melebihi RM30 juta bagi tahun 2020 untuk merangsang pasaran runcit di Sabah melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) Menaiktaraf terminal, integriti aset dan program operasi bagi memastikan kualiti perkhidmatan terbaik kepada pelanggan;
- (ii) Memperkenalkan Setel iaitu aplikasi e-pembayaran pertama di Asia Tenggara untuk pembelian bahan api secara langsung daripada peranti mudah alih di lebih 10 stesen minyak yang telah dikenalpasti di Sabah; dan
- (iii) penambahan stesen untuk pengedaran bahan api LPG bagi kemudahan pelanggan.

Sekian, terima kasih.